

## **Bagang Bugis: Kearifan Etika Alam Sekitar Dalam Melestarikan Sumber Ikan Bilis**

**Di Sabah**

### **ABSTRACT**

Matlamat Pembangunan Berterusan atau Sustainable Development Goals (SDG) merupakan matlamat yang digariskan bagi setiap negara untuk dicapai dalam konteks pembangunan. Negara-negara mempunyai sistem keselamatan jaminan makanan yang dipraktikkan untuk mengelakkan daripada sebarang masalah kekurangan makanan atau terputus bekalan makanan. Peranan kerajaan dalam merangka pelan pembangunan telah mengukuhkan lagi jaminan makanan di Malaysia. Salah satu pihak yang menyumbang kelestarian sumber makanan adalah golongan marginal yang menjalankan aktiviti ekonomi secara tradisional. Masyarakat Bugis terkenal sebagai pelaut dan mempunyai banyak pengetahuan (kearifan tempatan) dalam berinteraksi dengan alam sekitar. Bugis Sabah sangat terkenal dalam kearifan mereka menangkap ikan bilis melalui sistem bagang. Bagang merupakan kaedah penangkapan ikan bilis dengan menggunakan pentas yang diperbuat daripada bambu. Kajian ini melihat keupayaan kearifan tempatan masyarakat Bugis dalam penangkapan ikan bilis dan sumbangannya kepada keperluan sumber makanan serta sumbangannya kaedah ini kepada kelestarian alam sekitar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk melihat fenomena yang berlaku. Perbincangan dalam kumpulan (FGD) dijadikan kaedah pengumpulan data. Seramai tujuh orang nelayan Bugis yang terlibat melalui proses perbincangan dalam kumpulan untuk memberikan kebebasan kepada mereka menceritakan tentang bagang yang mereka usahakan. Kajian ini menunjukkan kearifan tempatan dalam kalangan masyarakat Bugis telah berjaya menyumbang bekalan sumber ikan bilis di Sabah sebanyak 20 peratus. Kaedah yang digunakan juga adalah selamat dari kemusnahan alam sekitar. Bahan bambu yang bersifat terurai tidak memberikan kesan negatif kepada pencemaran laut. Kearifan tempatan yang dimiliki oleh masyarakat Bugis telah berjaya memberikan pulangan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lestari.